

CUTI UMUM JAS KEDAH TERUS KOMITED TINGKATKAN RONDAAN MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN PANTAU OPERASI PREMIS

4 Februari 2023 – Alor Setar, Kedah

Hari Cuti Umum Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah dianggotai oleh Unit Aduan JAS Kedah, terus komited menjalankan rondaan bagi memantau operasi premis dan mencegah pembakaran terbuka.

Rondaan melibatkan kawasan penempatan taman-taman perumahan dan kampung-kampung, tapak pelupusan sampah serta permis-premis di kawasan Kedah Utara.

Anggota penguatkuasaan juga menjalankan rondaan di kawasan Loji Rawatan Air bagi mengelakkan sebarang pencemaran daripada berlaku.

Pasukan penguatkuasa JAS Kedah sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana pencemaran dari punca-punca yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kerjasama orang awam juga amat-amat dialu-alukan dalam mengemukakan aduan pencemaran kepada JAS Kedah.

Ini merupakan tanggungjawab dan amanah dalam memberi keutamaan kepada kesejahteraan orang awam, khususnya rakyat di negeri ini.

#NRECC

#jabatanalamsekitar

#jaskedah

#alamsekitartanggungjawabbersama